

Asal ditubuh bantu penduduk Langkawi

BH 16 AUG 1991



LANGKAWI, Khamis — Kerajaan hari ini menubuhkan Amanah Saham Anak Langkawi (**Asal**), yaysan yang dipertanggungjawab mengagih nikmat pembangunan kepada seluruh penduduk pulau itu.

Ketika mengumumkan demikian, **Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, berkata yaysan itu ditubuhkan selepas mendapatiada sesetengah penduduk tidak menikmati program pembangunan berbanding penduduk lain.

“Sebagai contoh, ada sesetengah kawasan yang tidak boleh dibangunkan kerana mengikut Pelan Struktur Pembangunan Langkawi, kawasan berkenaan perlu dikedal sebagai daya penarik pelancong.

“Dalam masa yang sama, ada pula penduduk yang boleh menjual tanah mereka kepada pengusaha pada kadar harga tinggi bagi tujuan pembangunan.

“Oleh itu, kita bercadang menubuhkan yaysan yang pelaburan di pulau ini, seperti Lembaga Pembangunan Langkawi (**Lada**) disalurkan ke dalam tabung, supaya dapat membantu penduduk terbabit dalam beberapa bidang”, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan ketua jabatan kerajaan negeri, di Pejabat Daerah, Kuah, di sini.

Terdahulu, **Perdana Menteri** mengadakan perjumpaan dengan Ahli Lembaga Pengarah **Lada**.

Sambil menyebut beberapa kemudahan yang akan disediakan oleh yaysan itu sedang disusun, **Perdana Menteri** berkata: “Bukan kita hendak beri duit pada orang, tetapi kemudahan tertentu kepada penduduk Langkawi.”

Ditanya sama ada yaysan itu menyediakan peruntukan pinjaman kewangan, **Datuk Seri Dr Mahathir** berkata: “Mungkin, tetapi kita timbang sama ada kita boleh buat”.

Beliau berkata, kerajaan sedar oleh kerana Langkawi dijadikan kawasan bebas cukai, penduduk pulau itu kini dapat membeli barangan tanpa cukai.

Katanya, ini adalah satu kelebihan bagi penduduk Langkawi.

Menurutnya, oleh kerana pulau itu dijadikan kawasan bebas cukai, harga tanah di Langkawi meninakat bedtu tinggi.

Serentak itu, ramai penduduknya memperoleh pendapatan tinggi hasil penjualan tanah mereka kepada pengusaha: